

Program itu dilanjutkan enam bulan lagi sehingga 31 Disember


JKIP tawar 55,000 peluang pekerjaan

Oleh SITI AISYAH SUKAIMI

KUALA LUMPUR – Program Jamin Insentif Pengajian (JKIP) dilaksanakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang dilanjutkan tempohnya selama enam bulan sehingga 31 Disember ini, menyediakan kira-kira 55,000 peluang pekerjaan kepada golongan rentan.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, sasaran itu adalah bagi menyokong matlamat program JKIP untuk mewujudkan sebanyak 300,000 peluang pekerjaan bagi tahun ini. "Lanjutan program ini akan memberikan tumpuan kepada usaha pengambilan pekerja daripada sektor pelancongan, pekerja yang menggantikan pekerja asing (program Malaysianization), orang kelainan upaya (OKU), wanita dan pekerja yang kehilangan pekerjaan.

"Sehubungan itu, sebanyak RM475 juta daripada RM2 billion Program JKIP di bawah Bajet 2022 akan disalurkan oleh Perkeso sebagai insentif kepada maji-



ORANG ramai hadir bagi mencari peluang pekerjaan pada Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur pada 25 Julai lalu.

kan yang mewujudkan peluang pekerjaan," katanya pada sidang akhbar pelanjutan Program JKIP di sini semalam.

Tambah Mohammed Azman, program itu telah membuat

pengambilan kepada seramai 55,000 pekerja daripada golongan mudah terjejas.

Beliau berkata, sepanjang tempoh pelanjutan JKIP ini, syarat permohonan dan kadar

insentif kepada majikan serta bantuan mobiliti kepada pekerja yang diambil adalah kekal seperti sebelum ini.

Dalam pada itu, Mohamad Azman berkata, pihaknya

menyambut baik keputusan kerajaan melanjutkan tempoh pelaksanaan itu memandangkan intervensi dan sokongan amat penting untuk merancakkan pasaran buruh negara lebih-lebih lagi pengangguran berada pada kadar 3.8 peratus.

Ujarnya lagi, Perkeso juga bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalam berkongsi maklumat selain pihak Kementerian dan pembuat dasar bagi mengatasi 'masalah 'mismatch' iaitu pekerjaan tidak sepadan ke-layakan.

Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 berlangsung di Pusat Dagangan Dunia (WTC) selama lima hari bermula 23 Julai hingga 27 Julai lalu ber-jaya mencipta kejayaan apabila membantu seramai 1,712 pencari kerja memperoleh pekerjaan, manakala 10,698 pencari kerja berjaya ke peringkat temu duga kedua.

"Penganjuran program ini telah turut mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records sebagai ekspo kerjaya terbesar pernah dianjurkan di Malaysia," ujarnya.

Perkeso perketat pemantauan elak seleweng Penjana Kerjaya

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) memperketatkan pemantauan serta tidak akan berkompromi dengan menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa jika terdapat pihak bertindak mendelegasikan dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (Penjana Kerjaya).

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, pihaknya mempunyai pendekatan dengan meneliti data melalui Artificial Intelligence (AI) sekali gus memastikan kejadian itu tidak berulang lagi.

"Memang kita buat semakan dan tapisan ketat ke atas dokumen, malah kita buat panggilan rawak kepada mereka yang kononnya ditawarkan pekerjaan, membuat lawatan menguji sealain melihat kepada risikan pihak terlibat dari masa ke masa.

"Ia proses yang dijalankan secara berterusan tetapi bagi mereka menyalahgunakannya, kita tidak akan berkompromi berdasarkan AI kita peroleh daripada sistem kita untuk disalurkan kepada pihak berwajib bagi tindakan susulan," katanya pada sidang akhbar Program Jamin



MOHAMMED AZMAN (tengah) ketika sidang akhbar sempena perlanjutan Program Jamin Kerja Insentif Pengajian dan Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia di Menara Perkeso, Kuala Lumpur semalam.

Kerja-Insentif Pengajian (JKIP) di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai penambahbaikan Perkeso susulan isu yang dilaporkan sebelum ini berhubung tuntutan majikan mengesyorkan dana Penjana Kerjaya.

Dalam pada itu, Mohammed Azman berkata, pihaknya meneliti permohonan oleh majikan melalui proses tertentu dan daripada satu, terdapat segelintir kecil kurang daripada satu peratus

yang mengambil kesempatan.

"Secara dalaman kita mempunyai pendekatan melihat data yang ada melalui AI, berdasarkan parameter yang boleh kita anggap munghin ia disalahgunakan oleh mereka.

Sebelum ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menahan 37 individu kerana terlibat dalam penyelewengan tuntutan paku Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) susulan operasi besar-besaran bersama Perkeso.

Data A-CDM tingkat kecekapan KLIA

SEPAANG – Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) akan melaksanakan Airport Collaborative Decision Making (A-CDM) iaitu sebuah sistem bersepadu untuk meningkatkan kecekapan operasi ekosistem Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



ISKANDAR MIZAL

Sistem itu telah melelan belanjanya hampir RM40 juta. Inisiatif baharu itu bakal meningkatkan kerjasama antara tujuh pihak berkepentingan termasuk Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, Malaysia Airlines, AirAsia, Batik Air, Aerodarat, Pos Aviation dan Ground Team Red.

Pengarah Urusan MAHB, Datuk Iskandar Mizal Mahmood berkata, sistem tersebut akan dapat meningkatkan On 'Time Performance' (OTP) syarikat perhubungan selain membantu semua pihak menggunakan sumber secara strategik dan mengurangkan operasi secara lebih berkesan.

"Sebagai pengendali lapangan terbang, MAHB menganggap inisiatif ini sebagai pelaburan yang bertaloi dengan faedah jangka panjang.

"Menyerasi memorandum persfahaman (MoU) yang

ditandatangani hari ini (semalam), hastrat kami adalah membawa rakan kongsi berkaitan di KLIA untuk bersama-sama meneroka manfaat A-CDM," katanya selepas majlis menandatangani MoU KUL A-CDM yang disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Isham Ishak semalam.

Jelas beliau, A-CDM menggunakan data masa nyata yang boleh diakses oleh semua pihak untuk pengurusan aliran proses yang lebih lancar sekali guna membolehkan kelancaran perhubungan.